

Rakyat perlu pertimbang saranan Dr M

BH 2 JAN 2001

KUALA LUMPUR, Isnin - Rakyat negara ini perlu memberi pertimbangan serius terhadap saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya semua kaum mengetepikan tuntutan bersifat perkauman dan mempertahankan formula perpaduan yang dicipta pengasas negara.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib berkata, kepentingan negara perlu diutamakan dan perkongsian kuasa antara orang Melayu, Cina dan India perlu dipertahankan.

Katanya, mana-mana pihak tidak wajar mencuba formula baru yang boleh membawa malapetaka sekiranya tidak diterima kaum lain.

"Kita perlu lihat kepentingan dan masa depan negara. Kita tidak boleh sewenang-wenangnya membuat sebarang tuntutan hanya berdasarkan emosi semata-

mata.

"Apa yang diputuskan oleh orang tua dulu adalah formula cukup mantap," katanya di sini, hari ini.

Beliau mengulas seranan Perdana Menteri dalam perutusan sempena tahun baru 2001 yang mengajak rakyat mengetepikan semua tuntutan bersifat perkauman dan terus mempertahankan formula perpaduan yang dicipta pengasas negara demi menjayakan Wawasan 2020.

Perdana Menteri berkata, jika rakyat terus berpegang kepada formula yang dibentuk setengah abad dulu, Wawasan 2020 akan menjadi kenyataan.

Muhammad berkata, semua kaum perlu berhati-hati dan bertanggungjawab memelihara perpaduan tanpa membuat tuntutan berbahaya serta boleh menyinggung perasaan kaum lain.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim berkata, persatuan itu sedia memenuhi saranan Dr Mahathir sekiranya Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan Cina (Suqiu) menarik ba-

lik semua tuntutan mereka.

"Kegelisahan orang Melayu boleh diatasi sekiranya Suqiu menarik balik tuntutannya," katanya sambil menambah, GPMS bukan membenci orang Cina tetapi kecewa sikap Suqiu yang tidak sensitif terhadap perasaan orang Melayu.

Katanya, persoalan sama ada GPMS perlu menarik balik tuntutannya juga tidak timbul kerana persatuan belum mengemukakan sebarang tuntutan terhadap kerajaan.

Suhaimi berkata, GPMS akan mengadakan perhimpunan dan mengemukakan 100 tuntutan sekiranya Suqiu bertegas tidak menarik balik tuntutan sebelum 14 Januari ini.

Sementara itu, Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Zainuddin Maidin, berkata Umno dan Pas perlu mengadakan 'gencatan senjata' bagi meredakan perang mulut bagi mewujudkan suasana sesuai untuk mengadakan pertemuan dan mencari formula mengembalikan perpaduan Melayu.

Katanya, soal keikhlasan tidak harus menjadi agenda utama kerana yang penting penyusulan sikap dan tindakan yang menyakinkan pengikut masing-masing serta masyarakat.

"Soal maruah dan harga diri tidak harus menjadi halangan

kerana pengorbanan dan kejayaan yang dicapai kelak akan mendapat pengiktirafan sejarah terhadap kedua-dua pemimpin parti.

"Masalah sekarang kedua-dua pihak mempertarungkan agama dan bangsa untuk mengekalkan kuasa dan untuk mara ke arah kuasa lebih besar," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Saifuddin Abdullah, berkata kurang kefahaman mengenai kontrak sosial di kalangan masyarakat majmuk antara punca utama Suqiu mengemukakan tuntutannya.

"Perpaduan rakyat tidak kira dari segi perlembagaan, Rukun Negara atau kontrak sosial terlalu penting untuk diperjuangkan.

"Mereka (Suqiu) harus sedar pengagihan kek ekonomi negara dibuat berdasarkan pencapaian sesuatu kaum dan ini sudah termaktub dalam Perlembagaan.

"Masyarakat berbilang bangsa perlu saling memahami agama, budaya dan kedudukan ekonomi kaum lain," katanya pada sidang akhbar di ibu pejabat MBM, di sini.

Sehubungan itu, Saifuddin berkata, MBM akan melancarkan program Persefahaman Agama dan Keakraban Tamadun (Sepakat) yang merangkumi sesi dialog serta projek khidmat bakti

masyarakat untuk merapatkan hubungan antara kaum.

Katanya, menerusi Sepakat, belia Melayu, Cina dan India digalakkan bergaul menerusi program tertentu.

Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein pula berkata, pergerakan itu akan mengeluarkan kenyataan berhubung isu tuntutan Suqiu dalam tempoh dua atau tiga hari lagi.

Beliau yang ditemui sebelum mengadakan pertemuan dengan Exco Pemuda Umno di kediamannya berkata, kenyataan itu diharap dalam menyelesaikan isu berkenaan dan memastikan perpaduan berkekalan.